

22/11/1997

Dua pelajar UTM juara reka bentuk antarabangsa

DUA pelajar tahun empat Kursus Senibina Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengharumkan nama negara apabila memenangi tempat pertama dalam pertandingan Rekabentuk Pelajar Antarabangsa Keempat di Goa, India, baru-baru ini.

Pelajar terbabit, Khairul Azman Sa'adon, 22 dan Adrina Abdul Hamid, 22 memenangi wang tunai kira-kira RM5,900 (1,000 pound sterling) dan sijil penghargaan.

Pertandingan anjuran Persatuan Arkitek Komanwel (CAA) itu membabitkan 109 penyertaan lain dari seluruh dunia. Ciptaan dua pelajar itu menggambarkan laluan yang mempunyai restoran pelajar bagi menghubungkan dua bangunan.

Rekaan pelajar terbabit dipamerkan di Edinburgh, United Kingdom sempena Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel yang turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Pada masa ini, rekaan pelajar terbabit dipamerkan di Pesta Seni dan Seni Bina di Edinburg.

Tempat kedua pertandingan itu dimenangi pelajar Universiti Wwatersrand, Johannesburg, Afrika Selatan, manakala pelajar Institut Teknologi Birla, India di tempat ketiga.

Khairul Azwan berkata, beliau berbangga dan bersyukur kerana ciptaan itu berjaya mendapat tempat pertama sekali gus menaikkan nama ciptaan institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

"Saya amat terharu kerana ciptaan anak Melayu berjaya menarik perhatian hakim pertandingan dan memberi peluang kepada rakyat di negara ini untuk terus mencuba."

"Saya juga berterima kasih kepada tenaga pengajar UTM serta rakan-rakan lain yang sentiasa memberi dorongan dan bimbingan untuk memastikan kejayaan ini," katanya.

Menurutnya, dia mengambil masa selama dua minggu untuk menyiapkan ciptaan itu bersama Adrina dan tidak percaya bahawa rekaan itu mendapat tempat pertama.

"Saya seakan-akan tidak percaya dengan kemenangan ini kerana ia membabitkan ramai peserta yang lebih handal dari seluruh dunia. Bagaimanapun, ia membuktikan bahawa ciptaan Malaysia mendapat tempat di hati hakim pertandingan," katanya.

Rakannya, Adrina berkata, beliau berterima kasih dengan dorongan yang diberikan oleh ibu bapa dan tenaga pengajar serta rakan-rakan lain.

"Jika tiada dorongan dan semangat daripada mereka mungkin saya tidak akan mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Saya bersyukur dengan kemenangan ini," katanya.

Menurut Adrina, beliau akan terus mencuba sekiranya diberi peluang pada masa depan dan memastikan bakat yang sedia ada tidak disia-siakan begitu saja.

(END)